



PERANAN RAJA DALAM INSTITUSI AGAMA: SATU KAJIAN TERHADAP MAIPs DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH DI PERLIS

Siti Fatimah binti Sudin¹, Amin bin Che Ahmat², Jamahizan bin Johari³,
Mohd Syukri bin Mohd Noor⁴

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
UiTM Perlis

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk " Peranan Raja Dalam Institusi Agama : Satu Kajian terhadap MAIPs Dalam Membangun Ekonomi Ummah di Perlis". Tumpuan kajian akan melihat peranan Raja terhadap Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam membangunkan ekonomi umat Islam. Kolobrasi yang wujud antara Raja dengan MAIPs sangat signifikan bagi martabat ekonomi ummah untuk mencapai keselesaan hidup. Justeru itu, MAIPs memainkan peranan dengan memberikan tumpuan khusus dalam aspek bantuan berbentuk kebajikan seperti membaik pulih rumah sedia ada dan membina rumah baru. Metod kajian menggunakan kaedah temubual dengan pihak pengurusan tertinggi MAIPs. Dapatkan kajian menunjukkan sumbangan yang diberi berasaskan kaedah bantuan 1:2:5 . Kaedah bantuan ini merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin (termasuk fakir) yang tidak berumah dan membaiki lima buah rumah yang daif.

Kata Kunci: Raja, MAIPs, Ekonomi ummah

1. PENDAHULUAN

Kajian ini akan membuat sorotan ringkas Peranan Raja Dalam Institusi Agama : Satu Kajian terhadap MAIPs Dalam Membangun Ekonomi Ummah di Perlis. Terdapat 3 elemen yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini iaitu Raja, MAIPs dan Ekonomi Ummah. Sebelum pengkaji menjelaskan dengan lebih mengenai tema tersebut, terlebih dahulu para pengkaji ingin membuka perbincangan dengan meneliti sejarah, geografi, dan demografi negeri Perlis.

Secara umumnya, nama negeri Perlis mempunyai penafsiran yang pelbagai namun berdasarkan kepada penelitian Ahmad Ismail dan Yazid Mad, nama negeri Perlis adalah berasal dari nama sejenis pokok iaitu Pokok Perlis⁵. Husin bin Mohamed menjelaskan, negeri Perlis dahulunya terkenal dengan nama Kayang atau Indera Kayangan iaitu salah

¹ sitifati@Perlis.uitm.edu.my 019-4765918

² amin.che.ahmat10@gmail.com 013-2965308

³ jamahizan@yahoo.com 017-6698582

⁴ hijau22012@gmail.com 013-2965462

⁵ Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (2001), Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Keluaran khas Kerajaan Negeri Perlis sempena Pertabalan D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. D.K., S.S.P.J., D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Raja Perlis pada 7 Mei 2001 bersamaan 13 Safar 1422. Perlis : Perbadanan Perpustakaan Awan Negeri Perlis. h. 8.

satu Wilayah yang diperintah oleh Sultan-Sultan negeri Kedah sehingga tahun 1821⁶. Ketika itu, kuasa pemerintahan kesultanan negeri Kedah meliputi sempadan Wilayah Setul dan Kuala Bara di Utara hingga ke Lembah Kerian di Selatan. Manakala Wilayah Perlis pula terletak bersempadan Wilayah Setul di Sebelah Tenggara, bersempadan daerah Kubang Pasu di sebelah Barat Laut dan Utara, menghadap Laut Selat Melaka di bahagian Barat dan bersempadan dengan Wilayah Songkla di sebelah Timur Laut⁷.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, taburan penduduk negeri Perlis ialah 231,541 orang bersama dengan 0.8 % daripada 28,334,135 juta rakyat Malaysia. Peratus Urbanisasi rakyat Perlis adalah yang ketiga terendah iaitu 51.4 % selepas Kelantan dan Pahang dengan 42.4 % dan 50.5 %. Seterusnya, statistik peratusan pecahan penduduk negeri Perlis ialah Bumiputra 88.4 %, Cina 8.0 %, India 1.2 %, dan lain-lain 2.4 %. Keseluruhan keluasan negeri Perlis adalah 821 kilometer persegi, lebih kecil dari negeri Melaka yang mempunyai keluasan 1,664 kilometer persegi. Manakala keluasan keseluruh negara Malaysia ialah 330,803 kilometer persegi⁸.

2. SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DAN KEDUDUKAN INSTITUSI RAJA NEGERI PERLIS

Agama Islam telah lama wujud di Kepulauan Melayu sejak sekian lama yang telah berkembang dengan cepat di Kepulauan Melayu lebih-lebih lagi di kawasan Utara Sumatera. Dikatakan wujudnya kerajaan Islam di sana seperti kerajaan Perlak yang diasaskan pada tahun 225 H (880M)⁹. Dengan adanya sebuah kerajaan Islam maka berlakunya hubungan yang melibatkan perhubungan politik mahupun perdagangan dengan kawasan sekitar.

Manakala, sejarah kedatangan Islam ke negeri Perlis mempunyai hubung kait dengan kedatangan Islam ke negeri Kedah memandangkan negeri Perlis pernah menjadi wilayah jajahan negeri Kedah yang diperintah oleh Raja Kedah. Menurut beberapa ahli sejarah mencatatkan negeri Kedah merupakan Negeri Melayu pertama yang telah didatangi oleh saudagar-saudagar Islam dari Tanah Arab, Parsi dan Benua India. Mereka datang ke Kedah sejak kurun ke 9 M dengan tujuan untuk urusan perniagaan, dan pada masa yang sama mengembangkan agama Islam¹⁰.

Buktinya, pada tahun 1965 M, terdapat sebuah batu nisan yang telah ditemui di Tanjung Inggeris, Kedah bertulis “Syeikh Abd al-Qadir Ibn Husein Shah Alam bertarikh 291 H / 903 M”. Syeikh Abd al-Qadir Ibn Husein Shah Alam merupakan salah seorang pendakwah dari Tanah Arab yang datang untuk menyebarkan Islam. Berdasarkan tarikh yang terdapat pada batu nisan tersebut, ini membuktikan Islam telah lama bertapak di Asia

⁶ Hussin Baba Mohammed (t.t.p), Sejarah Negeri Perlis dan Raja Perlis. Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awan Kedah. Jalan Kolam Air, 05100 Alor Setar Kedah. h. 2 ; Lihat lebih lanjut mengenai Syed Hussain Jamalullail, Kedah Ta’alok kepada Siam, Munculnya negeri Perlis, Perlis di bawah Raja Syed Safi halaman 1-8.

⁷ Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (2001), *Op.cit*.

⁸ Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010), Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010. Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia. h. 1-10.

⁹ Wan Hussein Azmi (1980), *Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan Abada ke 7-20*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia. h. 8-12.

¹⁰ *Ibid.*, h.12-20.

Tenggara dan negeri Kedah pula pernah menjadi pelabuhan utama. Justeru itu, ramai pedagang Islam mahupun pendakwah singgah ke negeri Kedah¹¹.

Di samping itu, terdapat ahli sejarah lain berpendapat Islam mula bertapak di negeri Kedah sejak tahun 531 H / 1136 M yang dibawa oleh Syeikh Abdullah bin Tuan Syeikh Jaafar al-Qumairi dari Negara Yaman¹². Raja Kedah pertama memeluk Islam ialah Seri Paduka Maharaja Derbar yang tertarik dengan ajaran Tuan Syeikh Abdullah lalu menukar namanya kepada Sultan Muzaffar Syah. Akibat pengislaman Maharaja Derbar. Maka semua pembesar dan orang-orang Melayu Kedah pada masa itu turut memeluk Agama Islam juga¹³.

Seterusnya, pengkaji juga akan melihat sejarah Institusi Raja di Perlis. Berdasarkan kajian tentang kedudukan Institusi Raja di Perlis, catatan sejarah menunjukkan institusi ini telah didaulatkan pada tahun 1843 M, setelah Tuan Syed Hussin dilantik menjadi Raja Negeri Perlis¹⁴. Pengiktirafan ini bermula setelah Raja Siam menjemput gabenor negeri Perlis, Setul, Kubang Pasu, dan Kedah untuk satu penganugerahan darjah ketika ketiga-tiga kawasan tersebut berada di bawah taklukan Raja Mahabesar Siam.

Dalam majlis mengadap tersebut, Raja Mahabesar Siam berbesar hati untuk menaikkan status sebagai Raja kepada para gabenor negeri Perlis (Kayang), Setul, dan Kubang Pasu (Jambangan). Manakala, status "Sultan" diberikan kepada gabenor negeri Kedah¹⁵. Turut dicatatkan dalam majlis diterima mengadap tersebut, Raja Mahabesar Siam dengan rasmi telah bersetuju menyerahkan negeri Kayang kepada Tuan Syed Hussain, negeri Setul kepada kepada Tengku Bisnu dan Kubang Pasu kepada Tengku Anom. Raja-raja ini diberi gelaran *Phya*. Raja-raja ini kemudiannya diperintahkan oleh Raja Mahabesar Siam untuk dipersembahkan ufti "Bunga Emas dan Perak" tiga tahun sekali berasingan dengan daripada negeri Kedah terus ke Bangkok¹⁶. Setelah beberapa ketika berada di Bangkok, Sultan Kedah bersama-sama Raja Kayang, Setul, dan Kubang Pasu dipohon pula mengadap Raja Mahabesar Siam lalu diberikan alat-alat kebesaran dan persalinan¹⁷. Rentetan dari sini, Sultan Kedah Duli yang Maha Mulia Sultan Zainal Rashid al-Mua`dzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajudin, Raja Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuan Syed Hussin, Tengku Bisnu, dan Tengku Anom kembali mentadbir negeri masing-masing¹⁸. Bermula pada tanggal penyerahan alat-alat Kebesaran dan persalinan tersebut, maka Duli Duli Yang Maha Mulia Tuan Syed Hussin Raja Negeri Perlis yang pertama balik dan memerintah dengan rasminya pada 14.12.1259 H (1843 M) hingga mangkat pada 1.10.1290 H (20.11.1873 M)¹⁹. Bermula dari tanggal permerintahan Baginda, maka negeri Perlis telah merdeka daripada pemerintahan kerajaan negeri Kedah²⁰.

¹¹ Abdul Rahman Hj Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 35.

¹² Siti Hawa Salleh (1964), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 6.

¹³ Muhammad Hasan (1968), *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 26.

¹⁴ Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (2001), *Op.cit.*, h. 10.

¹⁵ *Ibid.*, h. 10-11 ; Hussin Baba Mohammed (t.t.p), *Op.cit.*, h. 5.

¹⁶ Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (2001), *Ibid.*, 11 ; Hussin Baba Mohammed (t.t.p), *Ibid.*,

¹⁷ Hussin Baba Mohammed (t.t.p), *Ibid.*,

¹⁸ *Ibid.*,

¹⁹ *Ibid.*,

²⁰ *Ibid.*,

Secara kesimpulannya, kedatangan Islam ke Negeri Perlis boleh dikatakan bersamaan dengan kedatangan Islam ke Negeri Kedah disebabkan Negeri Perlis pernah menjadi wilayah jajahan negeri Kedah yang diperintah oleh Raja Negeri Kedah sebelum ditakluk oleh Kerajaan Siam. Kemudiannya diberi kebebasan untuk mentadbir sendiri selepas Raja Mahabesar Siam membebaskan Negeri Perlis (Kayang) pada tahun 1843 M, di bawah pemerintahan Duli Duli Yang Maha Mulia Tuan Syed Hussin Raja Negeri Perlis yang pertama sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

3. SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah ditubuhkan secara rasmi pada tanggal 1 Februari 1948 setelah Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Januari 1948. Matlamat penubuhan MAIPs adalah mengendalikan Hal Ehwal Agama Islam negeri Perlis. Di peringkat awal penubuhan, MAIPs mempunyai tiga Jawatankuasa yang dikenali dengan Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi, dan Jawatankuasa Ulangbicara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs).

Setelah 15 tahun MAIPs memainkan peranan dalam mengendalikan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis, pada tahun 1963 telah dibuat suatu pindaan ke atas Fasal 4 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 yang dilulus untuk meletakkan baitulmal sebagai satu badan yang berfungsi bagi membangunkan ekonomi umat Islam. Fungsinya dilaksanakan setahun selepas itu iaitu pada tahun 1964. Pindaan ini telah mengangkat kedudukan baitulmal untuk bergerak dengan lebih efisien dan memikul tanggungjawab besar dalam merealisasikan agenda pembangunan sosio ekonomi umat Islam khususnya di negeri Perlis²¹.

Sehingga kini, MAIPs yang dinaungi oleh Ketua Agama Islam, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Pegawai Eksekutif, dan Setiausaha Majlis. Di bawah MAIPs juga terdapat Bahagian Baitulmal Perlis yang telah dibahagikan kepada tiga unit utama. Unit-unit ini diwujudkan bagi menjayakan sasaran kerja tahunan (SKT) yang ditetapkan setiap tahun dan dikenali dengan nama berikut.

Unit Pembangunan dan Pelaburan

Unit ini berfungsi merangka pembangunan untuk pertumbuhan ekonomi demi kebaikan umat Islam setempat dan menguruskan pelaburan wakaf, zakat dan baitulmal.

i. Unit Wakaf dan Sumber Am

Unit ini berfungsi menguruskan Hal Ehwal Wakaf Baitulmal dan Sumber Am, mempromosi sumbangan dan bantuan yang boleh disalurkan kepada rakyat Islam.

ii. Unit Zakat.

Bertanggungjawab untuk menguruskan Hal Ehwal Zakat, menguruskan pungutan dan agihan zakat, dan merancang kutipan serta agihan zakat.

²¹ Pelan Strategik 2011-2015 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, h. 11.

4. PERANAN RAJA DALAM MAIPS

Peranan Raja dalam MAIPs berada pada kedudukan yang tertinggi. Hal ini dapat dilihat kerana Raja merupakan Yang Dipertua MAIPs.²² Sejarah penglibatan Tuanku Dalam Organisasi Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) pada tahun 1986 iaitu selepas pengasingan antara Jabatan Agama Islam Negeri dengan MAIPs. Pada ketika itu DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra dilantik sebagai Yang DiPertua MAIPs yang Ke-3. Seterusnya Pada 14 Disember 2001 DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin telah dilantik sebagai Yang DiPertua MAIPs yang Ke-4 sehingga kini.

Antara peranan DYTM dalam MAIPs adalah seperti berikut:

- i. Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Negeri Perlis (Jawatankuasa Zakat) dan diperturunkan kuasa kepada salah seorang Ahli Majlis menjadi Pengerusi.
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan Majlis.
- iii. Kuasa pemutus dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
- iv. Kuasa melantik Ahli Jawatankuasa Baitulmal Negeri.
- v. Melalui Majlis boleh membuat Peraturan-Peraturan untuk menjalankan segala perkara berkaitan dengan Kutipan Zakat, Pentadbiran dan Pembahagian Zakat Fitrah.
- vi. Sebagai Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis

5. SUMBANGAN MAIPS TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Terdapat beberapa peranan yang ditetapkan oleh Baitulmal Perlis bagi menjayakan Misi dan mencapai VISI sebagai sasaran utama MAIPs, bersesuaian dengan pembangunan ekonomi yang semakin rancak membangun. Ia berperanan dalam mentadbir, menguruskan harta-harta zakat, wakaf, baitulmal serta sumber am. Baitulmal Perlis juga adalah agensi bertanggungjawab menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Perlis selaras dengan hukum syarak.

Baitulmal Negeri Perlis juga telah melantik jawatankuasa yang dikenali dengan nama Jawatankuasa Baitulmal (menggantikan jawatankuasa Zakat dan Fitrah) bagi melincinkan perjalanan pentadbiran di samping mengambil pegawai-pegawai tetap, kontrak dan sambilan. Untuk meningkatkan proses pungutan dan pengagihan zakat, baitulmal telah melatih amil-amil di setiap kariah. Pada masa kini, terdapat 101 buah kariah di negeri Perlis dan seramai 104 orang amil termasuk 5 orang amil kaunter yang ditugaskan untuk mengutip zakat harta. MAIPs juga telah membahagikan pentadbiran urusan zakat negeri Perlis kepada lima zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Barat, Zon Timur dan Zon Tengah²³.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Baitulmal Perlis mengagihkan bantuan yang dapat memenuhi keperluan asas asnaf. Skop pengagihan dikategorikan kepada keperluan jangka

²² Lihat <http://www.maips.gov.my/index.php/mengenai-maips/dytm-tuanku-yang-dipertua>. Capaian pada 29 Mei 2014.

²³ Temubual dengan Encik Shuhaimi bin Nordin, Pembantu Hal Ehwal Islam pada 26 September 2012, jam 3.00 petang di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.

pendek dan jangka panjang. Penerima agihan yang mampu berusaha dikategorikan sebagai asnaf yang produktif. Manakala asnaf yang tidak produktif terdiri daripada mereka yang tidak berupaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecatatan dan sebagainya. Bantuan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada keperluan asnaf berdasarkan hasil maklumat siasatan oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa²⁴.

Salah satu peranan terbesar yang disumbangkan oleh baitulmal di bawah kelolaan MAIPs dalam pembangunan ekonomi ummah di negeri Perlis ialah kaedah bantuan 1:2:5. Perincian untuk menjelaskan kaedah ini dapat difahami sebagaimanauraian seperti dibawah.

Kaedah bantuan 1:2:5

Kaedah bantuan 1:2:5 ini merujuk kepada nisbah bantuan yang telah dipersetujui oleh pihak pengurusan Baitulmal Perlis untuk diberikan kepada asnaf miskin (termasuk fakir) di negeri tersebut. Projek 1:2:5 merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin yang tidak berumah, manakala lima buah rumah daif pula akan dibaik pulih. Kos pembinaan sebuah rumah baru adalah lebih kurang RM 28,000.00 manakala kos pembinaan rumah daif pula dianggarkan tidak melebihi RM19,000 ataupun jika kerosakan sesebuah rumah melebihi 80%, rumah tersebut tidak akan dibaiki, tetapi akan dikategorikan dalam keperluan pembinaan rumah baru. Walau bagaimanapun, terdapat juga rumah yang dibina atau dibaiki kurang atau melebihi had tersebut. Ia bergantung kepada penilaian yang telah dilakukan oleh pegawai yang diamanahkan (Penolong Jurutera dan Pegawai MAIPs).

Prosedur Bantuan

Setiap pemohon perlu membuat permohonan dengan mengisi borang bantuan yang boleh didapati di Pejabat Baitulmal negeri Perlis atau daripada amil yang dilantik di setiap kariah. Antara syarat permohonan mestilah beragama Islam, miskin (termasuk fakir)²⁵, dan bermastautin di negeri Perlis. Sekiranya memenuhi syarat permohonan, Baitulmal Perlis akan menghantar pegawai Baitulmal dan Penolong Jurutera bagi melawat dan mengenal pasti serta membuat penilaian ke atas permohonan. Mereka juga akan menentukan kategori bantuan, samada bantuan pembinaan rumah atau bantuan pembinaan rumah baru. Setelah penilaian di buat, permohonan akan dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs untuk kelulusan yang mengambil masa lebih kurang dua minggu.

Setelah mendapat kelulusan, pemohon boleh meneruskan usaha membaiki atau membina rumah dengan cara mencari kontraktor bagi menjalankan usaha-usaha pembinaan atau pembinaan rumah. Setelah selesai kerja-kerja tersebut dan disahkan, pihak MAIPs akan membayar terus keseluruhan kos kepada kontraktor yang telah dilantik oleh pemohon.

²⁴Buletin Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis, edisi 01/2011, Kangar: Unit Penerangan Baitulmal Perlis, h. 1

²⁵MAIPs menggariskan miskin dengan maksud pendapatan isi rumah kurang daripada RM 700.00 sebulan.

6. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan Baitulmal Perlis telah melaksanakan sumbangan zakat kepada penduduk negeri Perlis di bawah kategori miskin (termasuk fakir) mengikut kaedah 1:2:5 kepada lima zon iaitu zon timur, zon barat, zon utara, zon selatan dan zon tengah.

6.1 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Timur

Bantuan berjumlah RM 281,689.00 telah diperuntukkan di Zon Timur untuk membaiki rumah. Jumlah rumah yang dibaiki ialah 29 buah mewakili 14 Kariah. Sebanyak RM 205,600.00 diperuntukkan untuk membina 8 buah rumah baru di 7 Kariah. Data yang lebih terperinci mengenai bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Timur dapat dilihat berdasarkan kepada jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Zon Timur

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Batu Bertangkup	6	49,311.00	1	28,000.00
2	Kubang Perun	1	9,067.00	1	28,000.00
3	Kubang Paya	1	3,500.00		
4	Gial	1	9,100.00		
5	Batu 20			1	28,000.00
6	Ulu Pauh	2	17,500.00		
7	Titi Tinggi	4	46,887.00		
8	Bawah Bukit	1	17,700.00		
9	Arau 1	6	55,770.00	1	28,000.00
10	Kg Padang Telela	2	12,000.00		
11	Felcra Ulu Pauh	1	5,000.00		
12	Guring			1	26,000.00
13	Batu 18	1	15,000.00		
14	Chuping			2	35,600.00
15	Panggas	1	18,300.00		
16	Pauh	1	15,554.00	1	32,000.00
17	Lubuk Sireh	1	7,000.00		
	JUMLAH	29 buah	281,689.00	8 buah	205,600.00

6.2 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Barat

Zon Barat telah memperuntukkan dana sebanyak RM 220,250.97 untuk membaiki 24 buah rumah di 12 Kariah, manakala sebanyak RM 368,00.00 telah diperuntukkan untuk membina 13 buah rumah di 11 Kariah terpilih. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Barat dapat dilihat berdasarkan jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Zon Barat

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Kampung Surau	3	38,716.47		
2	Arau Dua	1	6,200.00	2	56,000.00
3	Jejawi Dalam	2	17,136.00	1	28,000.00
4	Kubang Gajah			1	28,000.00
5	Sentua	1	11,665.23	1	28,000.00
6	Longboh Kepala 10	2	9,428.00		
7	Tambun Tulang	5	45,156.46	1	28,000.00
8	Alor Redih	3	30,645.00	1	28,000.00
9	Kangar	1	500.00	2	60,000.00
10	Bintong			1	28,000.00
11	Batu Dua			1	28,000.00
12	Mengkuang Layar			1	28,000.00
13	Guar Syed Alwi	1	11,157.00		
14	Sungai Adam	1	2,376.81		
15	Che Ok	3	32,270.00		
16	Sempering	1	15,000.00	1	28,000.00
	JUMLAH	24 buah	220,250.97	13 buah	368,000.00

6.3 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Utara

Sebanyak RM395,444.00 telah diperuntukkan di Zon Utara bagi membaiki 33 buah rumah di 13 Kariah, manakala RM763,942.00 telah diperuntukkan untuk membina 28 buah rumah di 15 Kariah. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Utara dapat dirujuk berdasarkan kepada jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Zon Utara

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH (RM)	BINA BARU	JUMLAH (RM)
1	Oran	2	23,254.00	7	188,800.00
2	Berseri Sungai Paya	2	18,800.00	1	27,300.00
3	Santan	5	53,931.00	2	59,300.00
4	Berseri Batu Hampar	2	19,960.00		
5	Padang Melangit	2	22,000.00	4	111,600.00
6	Bukit Keteri	1	6,000.00	1	24,000.00
7	Paya	1	27,300.00	2	26,342.00
8	Kampung Belukar	2	24,112.00		
9	Padang Pauh	5	48,825.00	3	78,200.00
10	Padang Lati	1	18,500.00	1	28,000.00
11	Perawah	5	60,070.00	1	27,300.00
12	Mata Ayer	4	54,186.00	1	54,600.00

**PERANAN RAJA DALAM INSTITUSI AGAMA: SATU
KAJIAN TERHADAP MAIPs DALAM MEMBANGUNKAN
EKONOMI UMMAH DI PERLIS**

13	Gial	1	18,506.00	1	27,300.00
14	Baroh			1	32,000.00
15	Berseri Semadong			1	22,200.00
16	Jamek Berseri			1	32,000.00
17	Alor Tampang			1	25,000.00
	JUMLAH	33 buah	395,444.00	28 buah	763,942.00

6.4 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Selatan

Zon selatan pula sebanyak RM 692,529.00 telah diperuntukkan untuk membaiki 79 buah rumah di 19 Kariah. Manakala RM 390,531.00 telah diperuntukkan untuk membina 14 buah rumah di 9 Kariah. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Selatan dapat dilihat berdasarkan kepada jadual 4 di bawah.

Jadual 4 : Zon Selatan

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Sungai Baru	11	76,308.00	2	49,800.00
2	Chemumar	4	32,231.00		
3	Padang Keria	5	44,729.00		
4	Behor Mentalon	3	4,100.00	3	88,000.00
5	Sungai Bugis	2	23,400.00	1	28,000.00
6	Titi Beratap	8	80,992.00	1	28,000.00
7	Kampung Sena	3	27,830.00		
8	Permatang Bongor	3	35,275.00	2	48,731.00
9	Sungai Padang	5	54,777.00		
10	Pauh Sanglang			1	32,000.00
11	Bunga Emas	5	32,100.00		
12	Simpang Empat	10	76,703.00		
13	Kurung Anai	3	27,350.00	1	28,000.00
14	Serdang	1	9,085.00		
15	Jelempok	1	11,500.00		
16	Bongor Kudong	3	33,911.00		
17	Kampung Tebok	2	26,850.00	2	56,000.00
18	Sungai Berembang	6	52,648.00	1	32,000.00
19	Sanglang	3	27,740.00		
20	Behor Mali	1	15,000.00		
	JUMLAH	79 buah	692,529.00	14 buah	390,531.00

6.5 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Tengah

Zon Tengah telah memperuntukkan sebanyak RM **512,865.94** untuk membaiki 59 buah rumah di 14 Kariah. Manakala RM 478,827.74 telah diperuntukkan untuk membina 17 buah rumah di 10 Kariah. Data yang lebih terperinci berkenaan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Tengah dapat dilihat berdasarkan kepada data yang dibentang seperti jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Zon Tengah

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Padang Behor	1	17,300.00		
2	Titi Tok Bandar	4	56,800.00	1	28,000.00
3	Bintong Telok Jambu	3	24,438.51	2	60,000.00
4	Kurung Batang	7	57,460.00	3	82,000.00
5	Kangar	1	6,000.00	1	28,000.00
6	Bangsal Lebah	6	51,946.00	3	89,800.00
7	Seberang Tok Pi	15	123,100.00	1	28,000.00
8	Padang Besar Selatan	1	9,200.00		
9	Wang Ulu	3	34,320.77		
10	Seberang Ramai	10	57,200.00	2	56,000.00
11	Behor Temak	3	21,113.00		
12	Padang Katong			2	43,027.74
13	Abi	3	24,487.66		
14	Tok Kaya	1	16,500.00		
15	Wang Bintong	1	13,000.00		
16	Binjal			1	32,000.00
17	Kota Kayang			1	32,000.00
	JUMLAH	59 buah	512,865.94	17 buah	478,827.74

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebanyak RM4,309,679.65 telah diperuntukkan oleh MAIPs dalam kaedah bantuan 1:2:5, iaitu RM2,102,778.91 bagi bantuan baiki 224 buah rumah. Manakala sebanyak RM2,206,900.74 bagi bantuan membina 80 buah rumah baru di lima buah zon seluruh negeri Perlis.

7. KESIMPULAN

Tuntasnya dapat dirumus berdasarkan kepada kajian yang dijalankan menunjukkan (MAIPs) di bawah kepimpinan Raja Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai Ketua Agama Islam negeri Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Yang DiPertua MAIPs telah Berjaya menaikkan taraf sosio-ekonomi umat Islam Perlis melalui kaedah bantuan1:2:5 (merujuk kepada satu

**PERANAN RAJA DALAM INSTITUSI AGAMA: SATU
KAJIAN TERHADAP MAIPs DALAM MEMBANGUNKAN
EKONOMI UMMAH DI PERLIS**

kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin yang tidak berumah, manakala lima buah rumah daif pula akan dibaikpulih). Sebanyak RM4,309,679.65 telah disumbangkan untuk membaiki dan membina rumah asnaf yang layak. Usaha-usaha seperti ini perlu diterus dan ditingkatkan demi pembangunan ummah serta mengelakkan umat Islam di negeri Perlis dibelenggu oleh kemelut kemiskinan yang boleh membawa kepada pelbagai gejala yang tidak diingini.

RUJUKAN:

- Abdul Rahman Hj Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010), Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010. Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin Majlis Agama Islam &Adat Istiadat Melayu Perlis,edisi 01/2011, Kangar: Unit Penerangan Baitumal Perlis.
- Hussin Baba Mohammed (t.t.p), Sejarah Negeri Perlis dan Raja Perlis. Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awan Kedah. Jalan Kolam Air, 05100 Alor Setar Kedah.
- Muhammad Hasan (1968), *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Strategik 2011-2015 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis,
- Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (2001), Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Keluaran khas Kerajaan Negeri Perlis sempena Pertabalan D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. D.K., S.S.P.J., D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Raja Perlis pada 7 Mei 2001 bersamaan 13 Safar 1422. Perlis : Perbadanan Perpustakaan Awan Negeri Perlis.
- Siti Hawa Salleh (1964), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hussein Azmi (1980), *Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan Abada ke 7-20*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.
- Temubual dengan Encik Shuhaimi bin Nordin, Pembantu Hal Ehwal Islam pada 26 September 2012, jam 3.00 petang di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.
- <http://www.maips.gov.my/index.php/mengenai-maips/dytm-tuanku-yang-dipertua>. Capaian pada 29 Mei 2014.